

Program Suntik 6/2019, santai tetapi terbaik



SEBAHAGIAN penulis yang hadir dalam Program Suntik 6/2019.

Oleh ABD.NADDIN
HAJI SHAIDDIN

PROGRAM Suntik 6/2019 yang diadakan pada Ahad di Rumah Pangi, di Kampung Sabandar Tuaran, mungkin yang paling santai. Hadirin duduk bersila di lantai sambil menikmati kopi dan kuih pinjaran. Penilai Cerpen, Hasmin Azroy Abdullah dan penilai puisi Mabulmaddin Haji Shaiddin menyampaikan pemikiran, pandangan dan penilaian masing-masing terhadap karya-karya yang tersiar di tiga akhbar tempatan di Sabah sepanjang bulan Mei. Penolong Pengarah DBP Sabah, Nordin Zainal Abidin,

lebih dikenali sebagai Norza berucap mewakili Pengarah DBP Sabah, Puan Aminah Awang Basar yang tidak dapat hadir kerana berada di Sandakan untuk menghadiri program Naratif Sastera anjuran Numera.

Norza menyifatkan program Suntik, yang dikendalikan Kru-kru Suntik, tidak ada duanya, dan mungkin satu-satunya majlis serupa yang diadakan di seluruh tanahair.

Beliau memuji program Suntik yang diadakan itu. Program Suntik kali ini memilih karya Jamail Masador dan Marmoh Kasman sebagai antara karya terbaik cerpen dan puisi sepanjang bulan Mei.

Moderator program itu

adalah penulis yang tidak asing lagi, Ruhaini Matdarin manakala penyair Pena Alam atau Rita Robert Rawantas asyik mengambil rakaman untuk siaran langsung FB.

Hasmin Azroy memperkatakan sebanyak 10 buah cerpen kecuali cerpen Datuk Jasni Matlani dalam program itu. Sebagai seorang penilai, beliau belum menemui karya-karya cerpen yang baik. Azroy mengakui selera sasteranya tinggi. Beliau merasa belum menemui cerpen-cerpen yang kuat di akhbar sepanjang bulan Mei. Katanya, masih ada penulis yang lemah dari segi penguasaan tatabahasa dan mencampur adukkan bahasa lengkap dengan contoh-contohnya.



KASIMA Salinri dari DBP Sabah menyampaikan cenderamata kepada tuan rumah.

Karya-karya yang disiarkan sepanjang Mei, adalah karya-karya yang biasa saja, katanya. Menurut beliau, penulis perlu memberi perhatian terhadap penggunaan

tatabahasa yang betul dalam penulisan.

Bagi Mabulmaddin, puisi-puisi yang disiarkan di sepanjang bulan Mei agak kering dan layu. Menurutnya, karya-karya penulis Sabah tidak berkembang, tidak menunjukkan peningkatan bahkan menurun.

Beliau membicarakan aspek keindahan dalam puisi.

Kepada penulis baru, beliau menasihatkan agar berkarya dengan jujur, menulis dengan jujur dan ikhlas untuk menghasilkan karya yang indah.

Baginya, puisi yang mampu menghadirkan pelbagai tafsiran, adalah puisi yang baik.


Selain itu, penyertaan hadirin dalam perbincangan santai tetapi serius itu juga sangat membanggakan.

Penyair Shaama Erda atau Haji Halim Ahmad turut memberikan pendapatnya terhadap karya sastera.


Saya sangat tertarik dengan



DR Rem menyampaikan buku kepada Dr El Jumaidil.



DR Rem menyampaikan hadiah kepada Kenny Thomas, peserta bertuah.



DR Rem menyampaikan hadiah kepada Sayap Rindu atau nama sebenarnya Taufek Norbek.

diskusi dalam program Suntik 6/2019. Kehadiran Dr El-Jumaidil Haji Ahmad, pakar psikologi dan Prof Madya Dr Ramzah Haji Dambul sebagai tuan rumah, memberikan nilai tambah kepada program itu.

Pengelola Suntik, Kasima Salinri melahirkan penghargaan kepada semua yang hadir termasuk yang pertama kali hadir program itu. Selain itu, kehadiran penulis seperti Norawi Haji Kata, Ramli AR, Taufek Norbek, Rafi Harumin, Ramli Abok menjadikan majlis itu bermakna.

Banyak persoalan di sekitar dunia sastera yang sempat disentuh. Tetapi barangkali yang paling menarik, yang perlu difikirkan ialah apakah parameter atau kayuukur yang digunakan untuk menilai karya-karya sastera.

Bagi Dr Rem, kayu ukur yang

digunakan ialah nilai. Nilai-nilai yang terkandung dalam karya sastera. Bagi Dr El, kayu ukur yang digunakan ialah kebijaksanaan. Cabaran pengkarya bukanlah melahirkan khalayak yang pandai melainkan melahirkan khalayak yang bijaksana,

Hanya dengan kebijaksanaan, kita dapat menilai karya-karya sastera dengan baik. Perbincangan semakin hangat tetapi akhirnya terpaksa dihentikan kerana penganjur dan tuan rumah menghidangkan pelbagai makanan tradisi termasuk linopot, yang dimasak khas oleh kru yang diketuai penyair Ony Latifah Osman.

Memperkatakan keindahan memang tak akan habis-habisnya. Nilai-nilai keindahan bagi setiap orang, bagi setiap karya mungkin berbeza. Perbezaan ini sendiri satu keindahan dan rahmat. Tetapi ia haruslah ditangani dengan bijaksana.



MABULMADDIN Haji Shaiddin membicarakan puisi bulan Mei.



HASMIN Azroy/Abdullah menilai cerpen-cerpen bulan Mei.